

12 SEP 1996

Peniaga - Sikap

SIKAP PENIAGA DI PEKAN RABU DITEGUR SEKALI LAGI

ALOR SETAR, 12 Sept (Bernama) -- Peniaga-peniaga di Pekan Rabu di sini yang pernah ditegur oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad masih kekal dengan cara lama mereka yang kurang teratur dari segi peragaan barangan di gerai mereka.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Negeri, Ahmad Lebai Sudin hari ini berkata, cara yang diamalkan sekarang seperti menggantung barangan di luar gerai dalam keadaan yang tidak teratur hanya memberi imej yang tidak baik kepada orang luar.

"Kerajaan negeri telah melakukan pelbagai cara termasuk mengadakan kursus, seminar motivasi dan membawa mereka melawat ke tempat lain, tetapi keadaan yang sama masih tetap berlaku," katanya pada persidangan berita, di sini.

Beliau berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyatakan harapannya agar sikap para peniaga berkenaan diubah.

Kompleks perniagaan yang menempatkan lebih 100 peniaga Melayu itu telah diubah suai pada tahun lepas dengan melibatkan kos RM7 juta untuk menampakkan imej yang lebih cantik.

Sebagai langkah seterusnya, kerajaan akan meminta kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad menganjurkan lebih banyak kursus kepada semua peniaga di Pekan Rabu, katanya.

Kerajaan juga mencadangkan supaya peniaga itu diberi anugerah bintang berdasarkan kategori tertentu seperti peniaga yang mempunyai peragaan yang baik, sederhana dan tidak baik.

Beliau yang kesal dengan sikap para peniaga itu berharap mereka dapat mengubah sikap agar Pekan Rabu, yang pernah menjadi tempat Dr Mahathir berniaga, terus berkembang maju.

Beliau juga berkata, kerajaan negeri akan melancarkan Tabung Pembangunan Usahawan Negeri pada akhir tahun ini dengan modal permulaan sebanyak RM20 juta.

Katanya, wang itu akan disalurkan bukan sahaja kepada sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tetapi juga kepada badan perniagaan lain seperti Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Menurutnya peruntukan untuk tabung itu akan dikumpulkan dari bantuan kerajaan, swasta dan orang perseorangan.

Dewan Perniagaan Melayu Kedah telah berjanji memberi bantuan sebanyak RM2 juta manakala kerajaan negeri juga bersedia menghulurkan bantuan, katanya. -- BERNAMA

MZM MFJ